

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 5.11.2015 (KHAMIS)

TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah pejabat KPDNKK di Pekan Belaga dan juga di BRS Sungai Asap, Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) buat masa ini masih belum mempunyai cadangan untuk membangunkan pejabat cawangan KPDNKK di Pekan Belaga atau pun Sungai Asap di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mewujudkan pejabat KPDNKK di daerah **Bintulu dengan kekuatan seramai 20 orang** pegawai untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan di sekitar kawasan Bintulu sehinggalah ke Belaga dan Sungai Asap tanpa sebarang masalah.

Pada masa yang sama, Kementerian akan terus melaksanakan tindakan penguatkuasaan di kedua-dua kawasan yang dinyatakan samada daripada aduan orang awam, mahupun secara proaktif membuat pemeriksaan ke premis-premis perniagaan yang dibuat secara berkala pada setiap minggu. Pemantauan harga oleh para Pegawai Pemantau Harga juga dibuat mengikut jadual yang telah diatur bagi memastikan harga barangan adalah terkawal. Bagi tujuan aduan, pelbagai saluran telah disediakan oleh Kementerian untuk kemudahan orang ramai seperti e-aduan, ez-Adu KPDNKK, myKira GST dan talian terus ke Pusat Gerakan Anti Pencatutan melalui talian bebas tol 1-800-886-800.